



KEWAJIPAN PEMERINTAH MENERAPKAN ISLAM

Penamaan calon pada 20 April lepas menyaksikan permulaan pesta demokrasi yang boleh dikatakan terhangat di sepanjang sejarah pilihan raya umum di Malaysia. Ramai yang gembira apabila terpilih sebagai calon dan lebih ramai yang kecewa apabila tersisih dari senarai. Seiring dengan kekecewaan itu, dilaporkan seramai 61 orang pemimpin dan ahli UMNO bertindak menjadi calon bebas dan sanggup dibuang dari parti semata-mata kerana tidak setuju dengan calon yang dilantik oleh presiden mereka. Manakala di pihak Pakatan Rakyat pula menyaksikan 7 tempat di mana PKR dan PAS bertanding melawan sesama sendiri kerana gagal mencapai kata sepakat. Apa pun, selepas penamaan calon, kempen pilihan raya kini semakin hangat dengan ceramah, perang bendera, perang poster dan banner serta yang paling hangat ialah perang melalui media apatah lagi di media maya. Propaganda, hentaman, pergaduhan, penipuan, kebencian, tuduhan, fitnah termasuk politik wang (rasuah) juga semakin rancak. Satu pihak terpaksa berhempas-pulas untuk mempertahankan takhta manakala pihak yang satu lagi sudah tak sabar-sabar untuk ke Putrajaya. Dalam demokrasi, pemerintahan menjadi satu rebutan kerana kuasa adalah segala-galanya. Satu perkara yang tidak pernah dan tidak akan di ajar dalam demokrasi adalah 'kuasa' sebagai satu amanah dari Allah SWT untuk menerapkan hukum-hukumNya. Demokrasi mengajar penganutnya bahawa orang yang berkuasa boleh membuat dan menerapkan undang-undang mengikut kepalanya sendiri walaupun undang-undang itu bertentangan dengan Islam sekalipun. Kerana itulah orang yang mengambil demokrasi sudah pasti tidak akan menerapkan Islam. Ini kerana demokrasi sememangnya tidak *didesign* untuk menerapkan Islam, malah sebaliknya ia sebenarnya dicipta untuk menghalang penerapan undang-undang Islam itu sendiri!

Pemerintah Wajib Terap Islam

Dalam perlawanan merebut kekuasaan melalui pesta lima tahun sekali yang tidak syari'e ini, masing-masing hanya ada satu matlamat sahaja yakni kemenangan. Apa yang paling penting ialah menumbangkan lawan, tidak kira dengan apa cara sekalipun dan tidak kira berapa banyak sekalipun wang ringgit, masa dan tenaga dihabiskan. Orientasi parti-parti sekular dan kufur sememangnya begitu, kerana tujuan hidup mereka adalah untuk dunia. Namun malangnya parti atau gerakan-gerakan Islam yang turut bertanding pun nampaknya mempunyai orientasi yang sama. Kerana hanya berfikir untuk menang, banyak pihak yang bertanding tidak lagi mengambil kira dosa dan pahala dan sering lupa akan natijah kemenangan. Sepatutnya mereka meletakkan matlamat bahawa tujuan mereka menuju ke tampuk pemerintahan adalah untuk menerapkan hukum Allah, bukan sekadar meraih kemenangan semata-mata. Tidak ada gunanya kalau menang, namun sistem kufur demokrasi dan undang-undang buatan manusia tetap dikekalkan manakala hukum Allah terus tersimpan di dalam al-Quran.

Sesungguhnya termasuk di dalam perkara *al-ma'lum min ad-deen bi adh-dharurah* (perkara pokok dalam agama yang tidak ada alasan untuk Muslim tidak mengetahuinya) bahawa Allah SWT mewajibkan setiap Muslim, apatah lagi pemerintah, untuk berhukum dengan hukumNya. Pemerintah, sebagai orang yang menguasai sesebuah negara memikul tanggungjawab yang amat besar untuk menerapkan hukum Allah dalam negara, tanpa kompromi. Banyak ayat al-Quran yang memerintahkan hukum-hukumNya untuk diterapkan, bahkan disertai dengan ancaman dan azab kepada mereka yang mengingkarinya. Firman Allah SWT, "*Dan siapa sahaja yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, maka mereka adalah orang-orang kafir*" [TMQ al-Maidah (5):44], "*...mereka adalah orang-orang zalim*" [TMQ al-Maidah (5):45] dan "*...mereka adalah orang-orang fasik*" [TMQ al-Maidah (5):47]. Allah SWT menjatuhkan hukum kafir kepada siapa sahaja yang tidak menerapkan hukumNya kerana tidak meyakini atau mempertikaikan kesesuaian hukumNya. Allah SWT menjatuhkan hukum zalim dan fasik kepada siapa sahaja yang tidak menerapkan hukumNya tetapi masih yakin terhadap kesesuaian hukum tersebut untuk diterapkan.

Kesemua ayat di atas dengan tegas dan tidak ada sedikit pun kekaburan, menyatakan bahawa pemerintah wajib menerapkan kesemua hukum Islam secara menyeluruh kerana kata "*ma*" dalam ketiga-tiga ayat di atas berbentuk umum, yang mencakup kesemua hukum syarak yang telah diturunkan oleh Allah, baik yang berbentuk perintah mahupun larangan. Allah SWT juga menafikan keimanan orang yang menolak daripada menjadikan Rasulullah sebagai ikutan di dalam berhukum dengan hukumNya. FirmanNya, "*Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan engkau (wahai Muhammad) sebagai hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan!*" [TMQ an-Nisa' (4):65].

Ayat-ayat Allah itu dipertegaskan lagi dengan sabda Rasulullah SAW, "*Barang siapa yang melakukan satu perbuatan yang tidak mengikuti ketentuan kami, maka ia tertolak*" [HR Bukhari & Muslim]. Dalam riwayat yang lain, "*Siapa sahaja yang mengada-adakan sesuatu yang baru dalam urusan (agama) kami ini, yang bukan bahagian darinya, maka ia tertolak*" [HR Ahmad, Bukhari, Muslim, Abu Daud & Ibn Majah]. Sistem

demokrasi adalah tertolak kerana ia merupakan satu sistem yang bukannya datang dari Islam. Menggubal undang-undang melalui suara majoriti juga merupakan suatu yang tidak pernah diajar oleh Rasulullah di dalam agama Islam. Sebaliknya, Rasulullah SAW telah menyatakan dengan jelas di dalam banyak hadis bahawa pemerintahan selepas baginda ialah Khilafah, di mana umat Islam akan dipimpin oleh para Khalifah selaku ketua Negara. Firman Allah, "*Dan tidaklah patut bagi lelaki yang beriman dan tidak (pula) bagi perempuan yang beriman, apabila Allah dan RasulNya telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka*" [TMQ al-Ahzab (33):36].

Walaupun ayat-ayat dan hadis-hadis di atas amat tegas memerintahkan penerapan hukum Islam, ironinya pemerintah Muslim saat ini tetap sahaja memberikan pelbagai alasan untuk tidak menerapkan Islam seperti menyatakan hukum Allah mesti disesuaikan dengan realiti, masyarakat kita adalah majmuk, kena ambil kira pandangan minoriti dan macam-macam alasan lagi. Alasan ini sering diutarakan oleh penganut demokrasi. Malah di kalangan gerakan Islam sendiri pun ramai yang memberikan pelbagai alasan untuk tidak menerapkan hukumNya. Alangkah beraninya mereka menghujah Allah dalam hal ini! Inilah di antara kejayaan besar demokrasi, di mana sistem kufur ini telah berjaya memalingkan orang-orang Islam yang bergelumbang dengannya daripada berhukum dengan hukum Allah. Walhal Allah SWT berfirman, "*Dan hendaknya engkau menghukumi di antara mereka dengan apa yang Allah turunkan. Dan janganlah sekali-kali engkau mengikuti hawa nafsu mereka. Hati-hatilah engkau terhadap mereka, kerana mereka ingin menyesatkanmu dari sebahagian yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu*" [TMQ al-Maidah (5):49].

Melalui ayat di atas, Allah SWT dengan tegas memerintahkan kepada RasulNya termasuk kepada para penguasa Muslim, agar menerapkan semua hukum yang telah diturunkannya dan Dia dengan tegas melarang RasulNya serta para penguasa Muslim daripada mengikuti kemahuan atau tunduk pada keinginan manusia. Allah memerintahkan agar RasulNya serta para penguasa Muslim tidak berpaling dari kebenaran dengan meninggalkan penerapan hukum yang telah diturunkannya. Jika kehendak manusia dituruti dengan meninggalkan

kehendak Allah, maka mereka pasti akan terjerumus ke lembah kesesatan. FirmanNya yang lain, *"Jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah"* [TMQ al-An'am (6)116]. Inilah hakikat sistem demokrasi di mana suara rakyat (suara manusia) dianggap sebagai suara keramat dan undang-undang dibuat berdasarkan *kalamunnas* (suara manusia), bukannya berdasarkan *kalamullah*. Betapa sesatnya sistem ini!

Selain *didesign* untuk menerapkan hukum buatan akal manusia, demokrasi juga *didesign* untuk memastikan umat Islam sentiasa berpecah belah dan tidak kembali bersatu di bawah kesatuan Daulah Khilafah. Demokrasi memastikan agar umat Islam berpegang teguh kepada *assabiyyah* (nasionalisme) dan *wathaniyyah* (patriotisme). Oleh sebab itulah, pihak-pihak yang mengamalkan demokrasi sentiasa berjuang untuk bangsa dan negara dan mempertahankannya habis-habisan. Parti-parti para penganut demokrasi adalah parti berteraskan bangsa dan hanya bergerak (dan membuka keahlian) sebatas untuk warganegara sahaja. Kerana itulah parti-parti yang berjuang dan memerintah dalam demokrasi ini tidak pernah mempunyai hukum *jihad* dan *futuhat* di dalam kamus mereka kerana perjuangan sempit mereka yang berteraskan *assabiyyah* dan *wathaniyyah*.

Walhal bagi pemerintah Muslim, selain berkewajipan menerapkan hukum Allah di dalam negara, mereka juga wajib melancarkan *jihad* bagi membebaskan wilayah dan umat Islam yang berada di bawah cengkaman musuh-musuh Allah dan melakukan *futuhat* (pembukaan) wilayah-wilayah yang baru untuk menerapkan hukum Allah di sana. Pemerintah Muslim juga wajib menghapuskan segala sempadan *assabiyyah* dan *wathaniyyah* yang ada pada hari ini dan menggabungkan seluruh negara kaum Muslimin di bawah satu payung pemerintahan (Khilafah). Inilah kewajipan pemerintah, tidak kira siapa sekalipun yang berada di tampuk kekuasaan. Sekiranya mereka mengabaikan hal ini, mereka sebenarnya telah mengkhianati Allah, RasulNya dan orang-orang Mukmin dan tidak ada apa yang layak untuk mereka melainkan dosa dan azab Allah SWT. *Na'uzubillah min zalik*.

Wajib Terap Islam Secara Kaffah Dan Serta Merta

Di samping kewajipan menerapkan hukum Allah, pemerintah juga wajib memahami bahawa hukum Allah itu wajib diterapkan secara *kaffah* (menyeluruh) dan sekali gus (serta-merta), bukan dengan sedikit-sedikit atau secara *tadarruj* (bertahap). Ramai orang yang salah memahami nas dan ada sebahagian yang lain beralasan bahawa Islam boleh diterapkan secara *tadarruj*. Sedangkan penerapan Islam dengan cara bertahap itu jelas bertentangan dengan hukum-hukum Islam itu sendiri. Ini kerana, hal itu akan menjadikan orang yang menerapkannya, telah menerapkan sebahagian hukum Islam dan meninggalkan sebahagian yang lain. Walhal ini (penerapan sebahagian hukum) amat bertentangan dengan perintah Allah SWT. FirmanNya, *"Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhan dan janganlah kamu menuruti jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu"* [TMQ al-Baqarah (2):208].

Perlu difahami bahawa apa sahaja perkara yang Allah wajibkan itu, hukumnya wajib untuk diterapkan/diamalkan dan statusnya tetap wajib (tidak akan pernah berubah) dari saat hukum itu mula diturunkan hinggalah ke hari Kiamat. Begitu juga apa sahaja perkara yang Allah haramkan, hukumnya haram untuk diterapkan/diamalkan dan statusnya tetap haram (tidak akan berubah) hinggalah ke hari Kiamat. Rasulullah SAW pernah menolak delegasi dari Bani Tsaqif, ketika delegasi tersebut meminta kepada baginda agar baginda membiarkan (tidak memusnahkan) berhala mereka (Latta dan Uzza) selama tiga tahun serta mengecualikan mereka dari kewajiban solat tatkala mereka telah masuk Islam. Permintaan tersebut langsung tidak diterima oleh Rasulullah, bahkan baginda langsung tidak mengendulkannya. Baginda tetap menghancurkan berhala-berhala tersebut tanpa menunda-nunda lagi serta memaksa mereka agar melaksanakan solat tanpa menunggu-nunggu lagi.

Banyak pihak yang membolehkan *tadarruj beristidlalkan* kepada penurunan al-Quran yang diturunkan secara beransur-ansur. Padahal

Allah SWT telah menurunkan al-Quran kepada Rasulullah secara bertahap sesuai dengan fakta-fakta dan kes-kes (*asbab an-nuzul*) yang berlaku ketika itu. Apabila satu ayat diturunkan, maka Rasulullah segera melaksanakannya tanpa menanggung-nanggukannya lagi. Apabila ayat itu berupa suatu perintah, maka baginda dan kaum Muslimin terus segera melaksanakannya tanpa menunda sedikit pun. Apabila berupa larangan, maka baginda dan kaum Muslimin terus segera meninggalkan tanpa menunggu-nunggu barang sejenak, mahupun menanggungkannya. Hal ini berlaku sehinggalah Allah SWT menyempurnakan penurunan hukum-hukumNya sekali gus menyempurnakan agama ini, *"Pada hari ini telah Aku sempurnakan bagi kalian agama kalian dan Aku cukupkan untuk kalian nikmatKu serta Aku redhai Islam sebagai agama kalian"* [TMQ al-Ma'idah (5):3].

Setelah turunnya ayat ini, maka kaum Muslimin diperintahkan agar melaksana dan menerapkan seluruh hukum Islam, baik hukum yang menyangkut akidah, ibadah, akhlak, muamalah mahupun uqubat atau menyangkut aspek pemerintahan, ekonomi, pergaulan, kemasyarakatan, politik luar negeri, jihad, perjanjian damai dan sebagainya. Kesemua ayat ini dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dengan serta-merta dan diikuti oleh kaum Muslimin. Firman Allah SWT, *"Dan apa sahaja yang dibawa oleh Rasul, maka ambillah, apa sahaja yang dilarangnya, maka tinggalkanlah. Bertakwalah kalian kepada Allah, kerana Allah amat keras seksaNya"* [TMQ al-Hasyr (59):7]. Perintah untuk mengambil dan meninggalkan di dalam ayat ini adalah perintah yang bersifat *jazm* (tegas) yang membawa maksud wajib. Allah SWT di dalam ayat ini memberikan ancaman kepada sesiapa sahaja, terlebih lagi kepada pemerintah, yang tidak berhukum dengan Kitabullah dan Sunnah RasulNya, dengan azab yang pedih.

Justeru, penerapan hukum syarak secara menyeluruh dan serta-merta adalah suatu yang tidak boleh dianggap remeh atau dilakukan secara bertahap. Ini kerana tidak ada bezanya di antara satu kewajiban dengan kewajiban yang lain, begitu juga di antara satu keharaman dengan keharaman yang lain atau dengan kata lain tidak ada bezanya di antara satu hukum dengan hukum yang lain. Kesemuanya merupakan hukum Allah dan hukum Allah itu wajib dilaksanakan tanpa ditunda-tunda dan tanpa dipilih-pilih yang mana satu patut dilaksanakan dahulu dan yang mana satu patut dilaksanakan kemudian. Allah SWT mengingatkan dan memberi ancaman, *"Apakah kamu beriman dengan sebahagian (isi) kitab dan mengukuri sebahagian yang lain? Maka, tidak ada balasan bagi orang yang melakukan hal itu, selain kehinaan dalam kehidupan di dunia, serta pada hari Kiamat nanti akan dikembalikan kepada azab yang sangat pedih"* [TMQ al-Baqarah (2):85].

Berdasarkan dalil-dali di atas yang sangat terang lagi nyata, hukum Allah itu wajib diterapkan secara *kaffah* dan serta-merta dan tidak ada alasan apa pun bagi pemerintah mana pun untuk tidak berbuat demikian. Apa jua dalih atau alasan yang mereka gunakan, semuanya batil, tertolak dan tidak ada nilainya sama sekali di sisi Allah SWT.

Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Di dalam keghairahan meraikan pesta yang diajar dan ditinggalkan oleh penjajah ini, ingatlah bahawa kemenangan itu bukanlah suatu yang patut dikejar dan ia bukanlah segala-galanya. Tidak ada gunanya menang sekiranya sistem demokrasi yang sedia ada tetap dikekalkan, perlembagaan Lord Reid yang sedia ada tetap dikekalkan, manakala hukum Allah yang sedia tiada tetap ditiadakan. Hizbut Tahrir ingin mengingatkan bahawa parti mana sekali pun yang menang di dalam PRU kali ni, lalu menjadi pemerintah, maka wajib atas mereka untuk menerapkan hukum Allah!!! Sekiranya mereka tidak menerapkan hukum Allah, sesungguhnya kehinaan akan tertimpa ke atas mereka di dunia dan azab Allah yang amat pedih menanti mereka di akhirat. Hizbut Tahrir juga ingin mengingatkan bahawa siapa sahaja yang memilih sistem demokrasi, dia sebenarnya telah memilih untuk tidak berhukum dengan hukum Allah!!! Tinggalkanlah demokrasi, ayuhlah bersama Hizbut Tahrir tegakkan Khilafah.

Ya Allah! Saksikanlah bahawa kami telah menyampaikan..
Ya Allah! Saksikanlah bahawa kami telah menyampaikan..
Ya Allah! Saksikanlah bahawa kami telah menyampaikan..